

Dr M terima gaji untuk satu jawatan

Ghafar tolak tuduhan palsu

8. JUN 1966

KUALA TERENGGANU, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba hari ini membidas golongan yang menuduh Perdana Menteri diktator, dan menyifatkannya sebagai tuduhan palsu.

"Saya mengenali Datuk Seri Dr Mahathir sebelum saya dipilih menjadi Timbalan Perdana Menteri. Sepanjang waktu itu, terbukti beliau seorang pemimpin yang sentiasa mengambil kira pendapat ramai.

"Begitu juga dalam mesyuarat Kabinet dan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno. Beliau memberi peluang kepada semua orang memberi pendapat," katanya.

Encik Ghafar berkata ada ketikanya cadangan Perdana Menteri ditolak kerana ia tidak dipersetujui oleh ahli MT dan

beliau menerima pendapat suara ramai.

Katanya pemimpin diktator biasanya tidak menerima pendapat dan cadangan orang lain dan memaksa orang mengikutnya sahaja.

Tidak benar

Menurut Encik Ghafar tuduhan yang mengatakan Perdana Menteri seorang diktator semata-mata kerana beliau memegang tiga kementerian, adalah tidak benar kerana Perdana Menteri terdahulu juga memegang banyak jawatan.

"Walaupun seseorang Perdana Menteri memegang banyak jawatan tetapi beliau menerima gaji untuk satu jawatan sahaja," kata Encik Ghafar, yang juga Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, di majlis dialog

dengan pengerusi dan ahli Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung dan pemimpin masyarakat di sini.

Encik Ghafar juga memberi ingatan kepada kakitangan Kemas bahawa kerajaan sedang meneliti segelintir daripada mereka yang cuai melaksanakan tanggungjawab mereka.

Ketika ini kerajaan tidak akan tergo-poh-gapah memecat mereka yang terbabit tetapi kakitangan Kemas mesti menghayati semua nasihat yang diberi bagi meningkatkan lagi prestasi khidmat mereka.

Bagaimanapun, katanya secara keseluruhan kerajaan berpuas hati dengan khidmat kakitangan Kemas kerana melaksanakan tanggungjawab yang ditugaskan kepada mereka dengan baik.